

10/05/2003

Pemilihan MIC, SARS masih tajuk utama

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

KEBANYAKAN akhbar serta penerbitan berbahasa Tamil, termasuk Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Namban (Namban) menjadi saluran kempen calon MIC yang akan bertanding bagi kerusi Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti pada pemilihan sempena perhimpunan agung tahun ini.

Calon itu bertindak mengiklankan sumbangan mereka kepada parti selama ini. Ini sebagai strategi meraih undi daripada kira-kira 1,500 perwakilan

yang akan mengundi pada Perhimpunan Agung MIC yang bermula hari ini, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Nesan, dalam

berita muka depannya awal minggu ini, melaporkan bahawa 33 calon akan bertanding bagi merebut 23 kekosongan dalam CWC, termasuk 21 penyandang jawatan dan 13 lagi muka baru.

Akhbar sama, memetik kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang meminta semua wakil rakyat yang mahu dipilih semula menganggotai CWC

wajar mengemukakan alasan kukuh bagi membuktikan mereka layak menduduki jawatan itu.

Tidak ketinggalan, beberapa pihak menyuarakan kekecewaan apabila pencabar bagi jawatan Naib Presiden, Datuk VKK Teagarajan, menarik diri hanya enam jam selepas memfailkan pencalonannya. Ini sekali gus

membuatkan penyandang jawatan itu, Datuk G Palanivel, Datuk S Veerasingam and Tan Sri

KS Nijhar menarik nafas lega.

Difahamkan, tawaran Samy menjanjikan Teagarajan akan dilantik sebagai anggota CWC, selain diberi jawatan tertentu dalam pucuk pimpinan tertinggi

parti menjadi faktor utama mempengaruhi keputusan beliau.

Dalam perkembangan lain, Namban menyiarkan kenyataan Timbalan Pengerusi

DAP, Karpal Singh, bahawa parti itu menyokong pendirian MIC yang menuntut

supaya sekolah aliran Tamil di negara ini terus dikekalkan dan tiada pihak

mempersoalkan lagi hak yang dijanjikan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau juga menegur Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia, Datuk M

Kayveas, supaya jangan lagi menegakkan benang basah cuba mempertahankan kenyataannya dengan mengugut akan menyaman sesiapa yang mengkritik kenyataan beliau mencadangkan sekolah Tamil ditutup.

Nesan pula, dalam ruangan surat pembaca, menyiarkan rungutan seorang pembaca mengenai sebab tidak ramai yang berketurunan India berminat menyertai angkatan tentera atau pasukan polis.

Pembaca berkenaan, T Krishnan dari Kuala Selangor, berkata hanya 14 calon berketurunan India dipilih daripada 600 yang memohon bagi menyertai

pasukan polis tahun lalu, iaitu tidak sampai 10 peratus pun.

Katanya, budaya mengehadkan pengambilan rekrut baru ini sudah lama, tetapi hanya pihak berkenaan, termasuk kerajaan memilih untuk membutakan mata terhadap hakikat berkenaan dan terus mengomel bahawa bukan Melayu tidak berminat untuk berjasa kepada negara.

Nanban, dalam editorialnya, mengulas mengenai teguran Dr Mahathir terhadap saranan menambah cuti untuk sektor awam dengan menyifatkan permintaan itu sebagai keterlaluan dan tidak mencerminkan budaya kerja kakitangan awam.

Akhbar itu berpendapat, kakitangan awam membawa maksud mereka yang berkhidmat untuk rakyat dan tindakan mereka mengurangkan waktu kerja hanya

membantutkan urusan pentadbiran kerajaan selain menyulitkan orang ramai.

Sementara itu, Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) masih menjadi isu utama pada semua akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dipetik Sin Chew Daily, Khamis lalu sebagai berkata, pihaknya tidak bercadang mewajibkan majikan memberi cuti pengasingan 10 hari dan cuti bergaji sepanjang tempoh itu kepada pekerja yang balik dari negara dijangkiti SARS.

Bagaimanapun, beliau berharap pada masa genting ini, majikan akan memberi cuti bergaji kepada pekerja yang diarahkan untuk diasingkan selama 10 hari.

Katanya, hingga kini, kementerian itu hanya menerima satu aduan mengenai isu berkenaan dan ia sudah diselesaikan.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan membuat cadangan untuk mewajibkan cuti bergaji bagi pekerja kepada Jawatankuasa SARS Kebangsaan kerana khuatir pekerja menyalahgunakan kemudahan itu.

Selasa lalu, Penasihat Perbidanan dan Sakit Puan Hospital Gleneagles di Singapura dipetik Sin Chew Daily sebagai berkata, SARS mungkin membawa rahmat kepada republik itu melalui peningkatan kadar kelahiran bayi.

Beliau mengambil contoh di England apabila bekalan elektrik terputus untuk satu jangka masa panjang, sembilan bulan selepas itu kadar kelahiran bayi di negara itu meningkat.

Katanya, dalam masa dua bulan ini, orang ramai jarang keluar dari rumah disebabkan penyebaran SARS dan keadaan itu secara tidak langsung akan memberi peluang kepada mereka melakukan seks di rumah.

Bagaimanapun, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif stesen radio UFM 1003 dipetik sebagai berkata, pendengar radio di republik itu menyuarakan kebimbangan mereka terhadap SARS sehingga menyebabkan hubungan seks di antara suami isteri terjejas daripada seminggu dua kali dikurangkan kepada sekali saja.

Beliau berkata, ada doktor yang berpendapat psikologi rakyat, khasnya lelaki terjejas sehingga mengurangkan keinginan untuk melakukan seks berikutan pendapatan dan pekerjaan mereka tidak terjamin disebabkan SARS.